

Peniaga Rugi RM10, 000, Kedai Dipecah Masuk.

Oleh: Aufa binti Zainol (1180161)

SUNGAI PETANI: Seorang peniaga sebuah premis perniagaan di Taman Batik, Sungai Petani di sini, mengalami kerugian kira-kira RM10, 000 dalam kejadian pecah masuk pada 21 November, Sabtu lalu.

Dalam kejadian jam 3 pagi itu, suspek dipercayai memecah masuk premis tersebut melalui bahagian belakang bangunan dan mencuri sejumlah wang tunai dan beberapa telefon pintar milik Tsoho Marketing Sdn. Bhd.

Menurut salah seorang pekerja, Norma Omar, 26, mereka mula menyedari kejadian yang berlaku pada isnin lalu melalui rakaman litar tertutup (CCTV) memandangkan mereka tidak bekerja selama dua hari iaitu pada Sabtu dan Ahad.



Tingkap di bahagian pantri yang digunakan oleh suspek untuk melarikan diri.

Beliau berkata, kejadian itu sangat mengejutkan mereka memandangkan mereka baru sahaja berpindah ke bangunan itu sebulan lalu, iaitu pada 10 Oktober lalu.

“Perkara itu sangat memberi kesan kepada emosi kami dan kami berasa bimbang dengan keselamatan memandangkan kami baru sahaja berpindah ke sini” katanya sambil menambah laporan polis sudah dibuat di Balai Polis Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani.

Sementara itu, pegawai penyiasat, Sub Inspektor Mohd Kamaruddin berkata, kejadian tersebut berlaku bukan disebabkan kecuaiannya mangsa dan suspek mungkin telah memerhati gerak-geri mereka dari awal lagi.

“Perkara tersebut dilakukan sewaktu mereka bercuti jadi ia tidak mustahil suspek itu merupakan salah seorang pelanggan yang mengetahui gerak-geri premis tersebut” katanya dalam satu kenyataan.



Tingkap di bahagian tandas yang digunakan oleh suspek untuk masuk ke dalam premis.

Beliau berkata lagi, “Keadaan premis yang gelap sepatutnya memberikan kesukaran kepada suspek tersebut untuk berjalan tetapi, suspek dilihat seperti sudah biasa dengan keadaan dan selok belok premis tersebut”.

“Suspek telah memecah tingkap di bahagian tandas untuk masuk ke premis tersebut sebelum mencuri sejumlah wang tunai serta beberapa biji telefon pintar dan melarikan diri melalui tingkap di bahagian pantri. Suspek tidak dapat mengambil banyak barang kerana suspek melakukannya seorang diri” tambahnya.

Menurut beliau, kejadian seumpama ini telah kerap berlaku di kawasan tersebut dan ini bukan pertama kali kejadian pecah masuk sebegini dilaporkan.

Bagaimanapun, kes ini masih berada dalam penyiasatan pihak polis dan pencarian suspek masih diteruskan.